

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)

Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپنيت فنوننتو بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 - 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT
BIL. 15/2020**

**KEPADA: SEMUA PELAJAR PENERIMA BIASISWA KERAJAAN DAN SBPP
YANG BERADA DI UNITED KINGDOM & IRELAND**

**PERMAKLUMAN MENGENAI TAMBANG KELAYAKAN BIENNIAL
LEAVE/TAHUN AKHIR DAN PENGHANTARAN BARANG-BARANG
PERIBADI YANG BERKAITAN DENGAN PANDEMIK COVID-19**

Dengan ini sukacita dimaklumkan kepada pelajar-pelajar berkenaan mengenai perkara berikut:

TEMPAHAN PENERBANGAN:

Syarikat Royal Brunei telah menangguhkan semua perkhidmatan penerbangan dari United Kingdom ke Negara Brunei Darussalam (LHR-BWN) sehingga 31hb Mei 2020. Tarikh ini juga tertakluk kepada perubahan mengikut keadaan semasa.

Semua borang-borang tempahan yang telah dihantar sebelumnya melalui flightbooking@upp.org.uk adalah **DIBATALKAN** memandangkan kebanyakan pelajar telah pulang dan berada di Negara Brunei Darussalam pada masa ini.

Unit Penuntut-Penuntut akan menerima borang tempahan yang baru mulai 15 April 2020 bagi pelajar-pelajar yang berada di United Kingdom/Ireland. Bagi pelajar-pelajar yang berada di Negara Brunei Darussalam, borang-borang tempahan hanya akan diterima dan diproses setelah pelajar balik semula ke United Kingdom / Ireland.

Tarikh bagi semua tempahan ini juga akan diluluskan tertakluk kepada keadaan semasa pandemik COVID-19 mengikut arahan Kerajaan United Kingdom dan ianya akan diumumkan kemudian.

TEMPAHAN PENGHANTARAN BARANG-BARANG PERIBADI:

Bagi pelajar-pelajar penerima biasiswa Kerajaan dalam pengajian tahun akhir sesi akademik 2019/2020 yang ingin membuat tempahan penghantaran barang-barang peribadi, adalah dimaklumkan bahawa tempahan bolehlah dibuat seperti biasa melalui emel shipment@upp.org.uk. Buat masa ini, barang-barang tempahan tersebut akan diambil dan disimpan di dalam stor syarikat penghantaran (shipping company) dan hanya akan dihantar setelah ada pelepasan dari Kerajaan United Kingdom.

Didoakan semoga semua pelajar-pelajar sentiasa dalam perlindungan Allah s.w.t.dan dihindarkan dari musibah penyakit COVID-19.

Sekian disampaikan.

"Persekitaran Sihat Menjana Kemakmuran Negara"

Wassalam



PG ALI SHAFIE BIN PG HJ ABAS
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU E/5
Tarikh: 9 Sya'ban 1441 / 02 April 2020

wo/welfare20